

# Pak Lah menang tanpa tanding

BH 28 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memenangi jawatan Timbalan Presiden Umno tanpa bertanding apabila mendapat satu lagi pencalonan hari ini.

Pencalonan itu diterimanya daripada Umno Bahagian Beluran, Sabah yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini, menjadikan 133 bahagian 'mencalonkannya setakat ini, jumlah minimum bagi menang tanpa bertanding untuk jawatan itu.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan presiden apabila mengumpul 133 pencalonan, melebihi jumlah minimum 116 pencalonan bagi mengepikan sebarang cabaran untuk jawatan itu.

Bahagian Beluran turut mencalonkan Perdana Menteri bagi jawatan presiden, menjadikan jumlah pencalonannya 134. Dr Mahathir dan Abdullah akan disahkan ke jawatan masing-masing pada perhimpunan agung Umno, 11 Mei ini.

Dengan itu, teka-teki mengenai kemungkinan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah mencabar kedua-duanya untuk jawatan tertinggi dalam parti berakhir.

Abdullah akan mengisi kekosongan ditinggalkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada parti dan kerajaan pada September 1998.

Abdullah, yang menyandang jawatan naib presiden pada pemilihan 1996, dilantik menjalankan tugas timbalan presiden sejak lebih setahun lalu.

Syarat pertandingan bagi jawatan presiden memerlukan pencalonan sekurang-kurangnya 30 peratus atau sokongan 50 daripada 165 bahagian, manakala 25 peratus pencalonan atau 33 bahagian bagi jawatan timbalan presiden.

Sehingga hari ini, 136 daripada 165 bahagian sudah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing. Hanya 29 bahagian lagi yang belum mengadakan mesyuarat mereka.

Sementara itu, Umno Bahagian Beluran turut mencalonkan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk jawatan naib presiden.

Dengan pencalonan itu, Osu memperolehi 29 pencalonan, Muhammad (24) dan Isa (23).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak masih mendahului dengan 122 sokongan untuk mempertahankan jawatan itu dan diikuti oleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (71).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar pula memperolehi 48; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (32); Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (27); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (19) dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (3).